

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI - BN]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 37)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai hub "E-Sport" bertaraf antarabangsa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) telah mendaftarkan "E-Sport" di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 di atas nama Persatuan Sukan Elektronik Malaysia pada tahun 2014. KBS juga menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub "E-Sport" bertaraf antarabangsa.
2. Persatuan Sukan Elektronik Malaysia juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan menjadi ahli gabungan "*International e-Sports Federation*" (IeSF). Setakat ini antara pencapaian sukan "E-Sport" adalah melalui penganjuran kejohanan ASEAN Games for E-Sports (AGES 2016) lalu yang menawarkan hadiah berjumlah RM1 juta yang mendapat sokongan daripada KBS, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 38

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada jemaah Menteri telah mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengaudit Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) mengenai pembinaan KLIA2 dengan kos RM4 bilion seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan dipersetujui oleh pihak Menteri sendiri pada Mei 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Januari 2014 telah memutuskan supaya Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai pihak ketiga mengadakan pemeriksaan ke atas projek klia2 bagi menentusahakan antara lain arahan perubahan kerja dan kos, pihak yang bertanggungjawab, punca kelewatan dan peningkatan kos.

Pada 13 Mei 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri secara prinsip bersetuju supaya satu pengauditan ke atas projek klia2 dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dilaksanakan. Pada 12 Ogos 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memberikan kelulusan kertas cadangan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Pasukan Khas, pelaksanaan serta keperluan kewangan bagi menjalankan pengauditan tersebut. Pasukan khas ini terdiri dari Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.